

27 SEP 1998

Wanita-Tindakan

WANITA UMNO TERBABIT DENGAN REFORMASI AKAN DIKENAKAN TINDAKAN

JOHOR BAHRU, 27 Sept (Bernama) -- Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata wanita Umno akan mengambil tindakan tegas terhadap anggotanya yang terbabit dalam gerakan reformasi yang dianjurkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau bagaimanapun berkata setakat ini tidak ada maklumat mengenainya diterima dari seluruh cawangan dan bahagian Umno di seluruh negara.

Siti Zaharah berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Wanita Umno Pulau di sini hari ini. Yang turut hadir ialah Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat, yang juga Ketua Umno Pulau, dan Ketua Pergerakan Wanita Umno Johor, Datuk Sabariah Ahmad.

Siti Zaharah, yang juga Timbalan Menteri Kesihatan, berkata Wanita Umno akan terus memainkan peranan hingga ke peringkat akar umbi untuk memberi penerangan yang jelas mengenai pemecatan Anwar dari jawatan parti dan kerajaan.

"Kita telah menyusun pelbagai aktiviti termasuk memberi penerangan baik di peringkat cawangan atau bahagian mengenai keputusan parti bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan anggotanya," kata beliau.

Katanya, wanita Umno perlu bertindak secara matang demi menjaga keutuhan dan perpaduan parti.

Siti Zaharah juga menasihati isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail supaya menerima kenyataan itu secara rasional dan menyerahkannya kepada perundangan negara untuk tindakan lanjut.

"Kita ada undang-undang yang perlu dihormati dan setiap perbuatan yang melanggar perintah agama perlu ditolak," katanya.

Oleh itu, katanya, Dr Wan Azizah perlu bersabar dan bertenang kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak akan mengambil tindakan itu tanpa mempunyai bukti yang kukuh.

-- BERNAMA

BH AKD